

## Jawatankuasa penggerak program lulus

**P**ERSIDANGAN Antarabangsa Ketiga Dunia Islam dan Barat yang berakhir di sini, semalam, meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pemandu untuk menggerakkan semua program yang akan dilaksanakan bagi mengurangkan jurang antara dunia Islam dan Barat.

Selain penubuhan Jawatankuasa yang dipengerusikan Malaysia dan Norway itu, persidangan turut meluluskan Laporan Pengerusi yang bersetuju untuk mengambil beberapa pendekatan termasuk mengukuhkan program pendidikan, menggalakkan dialog antara agama, memperkasa wanita dan belia, mengukuhkan capaian media secara berkesan dalam mengurangkan jurang berkenaan.

Menteri Luar, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata Jawatankuasa itu akan turut membabitkan negara Islam yang berminat untuk menyertainya.

"Laporan Pengerusi itu juga menyelitkan betapa pentingnya program media, pendidikan dan latihan diwujudkan di beberapa perenggan institusi antarabangsa misalnya institusi di bawah jagaan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang tidak digunakan sepenuhnya.

"Kita membincangkan hal yang boleh melatih belia, guru dan masyarakat muda supaya melihat dunia ini bukan saja secara ortodok tetapi secara progresif. Apabila ini berlaku, barulah prinsip Islam yang lebih progresif seperti yang dianjurkan dalam Islam Hadari mendapat pengertian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis penutup Persidangan Antarabangsa Ketiga Dunia Islam dan Barat: Merapatkan Jurang, di sini semalam.

Beliau berkata, Laporan Pengerusi itu akan diserahkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Forum Perikatan Ketaamadunan (AoC), OIC dan kerajaan di seluruh dunia.

"Malaysia akan mencari institusi yang membantu melaksanakan program yang diatitkan keiak termasuk menentukan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat korporat yang berminat melaksanakannya," katanya.